

 A Singapore Government Agency Website

NewspaperSG

 We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Persisi terima lima permohonan

Berita Minggu, 12 March 2000, Page 21

 Article also available on Microfilm Reel NL21858

[Printer-Friendly Page](#)

Persisi terima lima permohonan

Perihal Jurulatih II

Oleh YUSOFF A. RAHMAN

[^ Scroll to Top](#)

LIMA jurulatih akan bersaing untuk merebut jawatan jurulatih silat nasional sepenuh masa.

Selain Sheik Alauddin, Jamaludin Jamil dan Ramli Awi, dua pemohon terbaru ialah Jasni Salam dan Mohamed Kamim Said.

Jasni adalah salah seorang dari pada tiga jurulatih nasional dalam skuad Sukan SEA Brunei tahun lalu dan Kamin pula ialah bekas Setiausaha Satu Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

"Kami telah menerima lima permohonan untuk jawatan jurulatih nasional sebelum tarikh penutupnya pada 7 Mac lalu," demikian disahkan oleh Setiausaha Persisi, Aeji Karimak, semalam.

Beliau juga menyebut terdapat ti-

ga pemohonan untuk jawatan seorang pentadbir.

"Selain saya sendiri, dua lagi adalah Mohamed Yusoff Mohamed dan Jamaludin Jamil," beliau memberitahu.

Ditanya tentang bagaimana pemilihan dibuat nanti, Aeji berkata:

"Kami akan merujuk perkara ini kepada Majlis Sukan Singapura (SSC).

"SSC mungkin menamakan seorang wakilnya dan Persisi barangkali mengemukakan satu, dua pegawai kanannya untuk duduk dalam panel pemilihan.

"Oleh kerana saya juga membuat permohonan, maka saya tidak akan terbabit dalam soal pemilihan itu," Aeji menerangkan.

Difahamkan, jurulatih nasional berpeluang menerima gaji sekitar \$5,000 sebulan dan seorang pentadbir pula \$3,000.

Mengenai soalan lain sama ada Persisi memerlukan penolong jurulatih, Aeji tidak menolak kemungkinan badan induk itu memerlukan dua tenaga tambahan.

“Jurulatih-jurulatih yang gagal ditawarkan tugas sebagai jurulatih sepuh masa boleh dipertimbangkan mengisi jawatan sebagai penolong jurulatih.

“Oleh kerana sukan ini semakin mencabar, maka adalah perlu bagi Persisi mendapatkan sekurang-kurangnya dua penolong jurulatih untuk membantu tugas jurulatih nasional,” tambah Aeji lagi.

Persisi telah mendapat pengiktirafan daripada SSC dengan silat kini diletakkan dalam kategori Sukan Merit menyusuli pencapaian yang menggalakkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini termasuk kejayaan memungut tiga pingat emas dalam Sukan SEA Brunei.